



يونیورسiti اسلام انتارا بڠسا

KES KES HARTA SEPENCARIAN MENGIKUT  
ADAT PERPATEH DAN HUKUM SYARAK  
DI NEGERI SEMBILAN. SATU ULASAN

OLEH

AHMAD DAMIRI BIN YAHAYA

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA SELANGOR.

1989 / 1990

DONATED TO THE LIBRARY OF  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY  
BY

Dr. Mohamad Saeedon Awang Othman  
Deputy Dean (Academic), Fac. of Laws

Date Received: 22/8/90

## KANDUNGAN

Prakata	ii
Objektif Kajian	iii
Muqaddimah	iv
Penghargaan	v

## BAHAGIAN SATU

Maksud Harta Sepencarian	1
Kaitannya Dengan Hukum Syarak	4

## BAHAGIAN DUA

Catatan Kes-Kes	15
Pembahagian Harta Sepencarian Mengikut Adat Perpateh	138
Ulasan	142
Kesimpulan	157
Penutup	171

## PRAKATA

Kesedaran fahaman terhadap Islam oleh umat islam sejak akhir akhir ini telah membangkitkan satu keinginan terhadap perlaksanaan perundangan Islam keatas diri mereka dan juga masyarakat.

Hasilnya dapat dilihat dengan wujudnya Institusi Institusi Islam yang amat membanggakan bagi mencapai tujuan ini.

Satu daripada Institusi ini ialah Mahkamah Syariah dimana dapat dilihat banyak permasalahan diselesaikan di Mahkamah Syariah dan termasuklah perkara perkara yang berhubung dengan urusan pembahagian harta sepenuhnya.

Dalam latihan ini penulis mengemukakan tajuk Kes - Kes Marta Sepencarian Mengikut Adat Perpateh dan Hukum Syarak Di Negeri Sembilan . Satu Ulasan. Untuk buat renungan, ingatan dan juga tindakan pembaharuan semoga Allah memberkati usaha yang dilakukan.

Semoga latihan ini dapat memberikan gambaran tentang harta sepencarian dan jalan penyelesaiannya demi kesejahteraan umat Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini adalah merupakan satu ulasan berhubung dengan pembahagian harta sepencarian yang berlaku di Negeri Sembilan di dalam dua cara yang sering diperkatakan iaitu pembahagian secara Syarak dan pembahagian secara adat.

Untuk tidak menimbulkan kekeliruan maka penulis telah membuat rujukan rujukan kepada buku buku dan juga tumubual dengan mereka mereka yang arif tentang perjalanan Adat Perpateh di Negeri Sembilan yang dapat menjelaskan kedudukan harta dan pemilikan dikalangan pengamal pengamal Adat Perpateh.

MUQADDIMAH

Latihan ilmiah ini adalah merupakan satu ulasan mengenai pembahagian harta sepencarian yang berlaku di Negeri Sembilan khususnya di dalam Mahkamah Syariah dan didalam Adat Perpateh.

Dalam penulisan ini maka penulis telah membahagikan kepada dua bahagian. Bahagian satu : Maksud harta sepencarian serta pandangan Islam dan Adat dan tidak ketinggalan pandangan oleh para para Hakim yang membuat pena'-rifan didalam Mahkamah Mahkamah Sivil (awam).

Dalam bahagian kedua : Penulis telah mem bentangkan kes kes yang telah selesai dibicaraikan di Mahkamah Mahkamah Syariah dan hurai-an mengenai pembahagian yang dilakukan didalam Adat Perpateh.

Seterusnya penulis membuat ulasan didalam perkara perkara tertentu sahaja iaitu; Jenis harta (barang) yang dipertikaikan. Keterangan pihak pihak termasuk saksi saksi. Penilaian terhadap harta sepencarian oleh Mahkamah. dan akhirnya keputusan dan perlaksanaannya.

## PENGHARGAAN

Dalam ruangan ini penulis mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka mereka yang terlibat dalam usaha penulis menyiapkan latihan ilmiah ini.

Yang Mulia Sahibul Fadhlilah Tuan Kadi Besar Al-ustaz Baharum bin Masbullah. Saudara Pendaftar Mahkamah Syariah En. Zulkifli bin Mat Som serta kakitangan kakitangannya. Juga ucapan terima kasih kepada Yang Mulia Dato' Shah Bandar Maji Alias bin Wahid. PPN.PMC.PPS. (Orang Besar Undang). Dato' Purba Abd Aziz bin Hussain (Ketua Lembaga) Orang Besar Jajahan. En. Mat Zain bin Talib. Tua Suku (Waris Sedias Raja) Perut Bukit .

Teristimewa ucapan terima kasih kepada Yang Mulia Profesor Madya Doktor Abdullah bin Abu Bakar selaku penyelia latihan ilmiah ini yang telah banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajqr dalam menyempurnakan penulisan ini dari awal hingga ke akhirnya. Kepada semua yang terlibat diiringi dengan semoga diberkati Allah senentiasa.  
Dari : Ahmad Damiri bin Yahaya (NS)

Diploma Undang Undang dan Pentadbiran Ke  
hakiman Islam,  
Universiti Islam Antara Bangsa,  
Petaling Jaya.

## Bahagian Satu

Maksud Harta Sepencarian.

Pada umumnya apabila disebut harta sepencarian masyarakat awam beranggapan ianya berdasarkan kepada adat semata mata, tidak ada kaitan dengan ugama atau pun hukum Syarak. Ini disebabkan apabila ianya dijadikan sebagai perundangan dalam mana adat telah diakui,<sup>1</sup> dan lagi amalan ini telah berlaku sebelum kemasukan Inggeris ke Tanah Melayu. Perkara ini telah diakui apabila E.N.Tailor dalam "Malay Family Law" bermaksud "<sup>2</sup> Di kampung kampung sungai Perak terdapat suatu adat yang diikuti hampir hampir tidak berubah, malalui adat ini apabila berlaku percerian, maka harta yang diperolehi semasa berkahwin itu dibahagi kedua dua pihak, pembahagian itu pula bergantung kepada kaadaan dan diatur oleh kedua dua keluarga dangan ketua kampung, jika perempuan benar benar telah membantu mengerjakan tanah itu, beliau menerima satu bahagian yang kecil mungkin satu pertiga, jikalau lelaki dari gulungan ini mendapat gaji (umpamanya kakitangan kerajaan) dan harta itu dibeli hasil gajinya, maka bahagian isteri satu pertiga".<sup>3</sup>

- 
1. Boto bt Taha v Jaafar bin Mohamed (1985) 2 MLJ 98, Prof. Madya Abdullah Abu Bakar, k.kerja (18hb-19 hb. 1989) hal.1

Ada pendapat yang mengatakan pekerjaan itu adalah pekerjaan bersyarikat dalam islam dan ada pula yang mengatakan pekerjaan mengambil upah dan ada pula yang mengatakan masaalah ini adalah masaalah adat yang tidak terlibat dengan hukum Syarak .  
4

Walau bagaimana pun kita menerima bahawa harta se pencarian ini diasaskan kepada adat Melayu, walau bagaimana pun harus diingat bahawa terdapat adat adat yang diiktiraf oleh Syarak sekira ianya tidak bertentangan dengan hukum Syarak.  
5

Terdapat berbagai bagai nama yang diberikan kepada harta sepencarian ini, seperti carian laki bini, pencarian, pencurian, Gono gina, harta suarang, guna kaya , dan ada kalanya harta sepencarian juga dikenali dengan harta syarikat dan harta usaha sama.  
6

Pengertian pengertian yang diberikan harta sepencarian ini adalah seperti berikut; -

- a. Harta carian bersama  
7
  - b. Perkataan sepencarian memberi erti sama sama mencari atau sama sama berusaha. dan bolehlah
- 
2. Temubual penulis dengan Dato' Purba Abd Aziz b. Hussain (Ketua Lembaga) Orang Besar Jajahan. Sistem Undang Undang Malaysia, hal.48
  3. E.N.Tailor "Malay Family Law" dlm JMBRAS vol xv 1937, hal.55 . Encik Nadzim bin Hj Abd Rahman, K.Kerja, hal 95.

dierikan harta sama sama dicari dan sama sama bertungkus lumus berusaha bagi mendapatkannya

8

c. M.B.Hoorker mentakrifkan " Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri dalam masa perkahwinan"

9

d. Hakim Briggs mentakrifkan " Harta yang diperolehi semasa perkahwinan antara suami isteri hasil dari sumber sumber mereka atau daripada usaha bersama

10

Kesimpulannya harta sepencarian ini bolehlah diertikan sebagai harta yang sama sama dicari,harta yang sama sama di usahakan bagi mendapatnya dan ini tidak termasuk harta pusaka, hadiah hadiah,yang diberikan kepada suami atau isteri atau kedua duanya sekali kerana tiada usaha, atau harta yang diperolehi dengan diusahakan oleh satu pihak sahaja .

4. HJ Abd Kadir bin Hj Ismail. Abd Monir bin Hj Yaakob, K.Kerja, hal.74
5. Prof Abdullah Abu Bakar, k.kerja, hal.3
6. Ibid, hal 8 . Md Akhir b.Hj Yaakob,JH(1405),Jld V Bhg 1, hal.37.
7. Dasar dasar Adat Perpateh, hal 63
8. Hj Abd Kadir bin Hj Ismail. Abd Monir bin Hj Yaakob, k.kerja, hal;57

## Kaitan Dengan Hukum Syarak

Walau apa pun pendapat yang diberikan terhadap harta sepencarian ini tapi satu perkara yang tidak dapat dinafikan bahawa kaitannya dengan hukum syarak sememangnya wujud.

Kewujudan ini sungguh pun tidak disebut secara khusus tetapi para para pemikir islam dan ulama' ulama' telah mengaitkannya dengan hukum hukum Fiqah dan juga kaedah kaedah Fiqah.

Jika ditelitikan didalam beberapa buah kitab kangan beberapa orang ulama' seperti kitab Bughya-tul Mustarshidin oleh Syed Abd Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar, kitab Al-Umm oleh Imam Syafeie dan kitab Fiqh al-Sunnah oleh Syed Sabiq dan kitab al-Ashbah wa al-Nazair oleh al-Sayuti, maka amat jelas bahawa masaalah masaalah yang di timbul

9. M.B.Hooker, Personnel Laws Of Malaysia. Oxford University Press 1976, hal;77
10. Hajjah Lijah bt Jamal v Fatimah bt Mat Diah (1950) MLJ 63

kan didalam Bab as-Syarikat ( Syarikat ) boleh dijadikan penduan bagi mengatasi masaalah harta sepencarian ini.

Antara hujjah hujjah yang akan dipaparkan disini ialah:-

1. Dari Kitab Pughyatul Mustaeshidin ( terjemahan nas, hal.159 ) yang berbunyi;

Telah bercampur harta suami dan isteri dan tidak diketahui harta siapa yang lebih banyak, tidak ada tanda tanda yang dapat membezakan harta salah seorangnya, kemudian berlaku perpisahan antara keduanya atau pun mati, maka tidak sah salah seorang daripada mereka (suami isteri ) atau warisnya memerintah (menggunakan ) sesuatu daripada harta itu sebelum dapat dibezakan atau pun sebelum dibuat perdamaian ( al-Sulh ), kecuali bersama sama dengan pemilinya, sebab tidak ada murajjeh ( tidak ada tanda tanda membezakan ) seperti mereka berkata ( masaalah ini sama seperti ) jika bercampur burung merpati keduanya ( suami isteri ) di ketika itu ( boleh digunakan ) jika boleh diketahui / dibezakan keduanya.

Tetapi jika tidak diketahui (tidak dapat dibezakan), perkara itu hendaklah ditangguhkan se hingga suamu isteri atau waris keduanya berda - mai dengan melafazkan (kalimah) perdamaian atau pun menyerahkan (hibbah) dengan sama banyak a - tau berlebih kurang jika mereka itu (suami iste ri dan waris) orang orang yang sempurna ( bukan mahjur 'alaihi), dan wajib supaya jangan terku - rang (pembahagiannya) daripada setengah ( $\frac{1}{2}$ ), ba gi orang yang mahjur 'alaihi (orang yang tidak dibenarkan mentadbir harta).

Tetapi jika berlaku kebiasaan yang tetap ba hawa salah seorang daripada keduanya (suami is teri) mendapat pendapatan yang lebih dari yang seorang lagi maka perdamaian (sulh) dan penyera han (hibbah) adalah berdasarkan demikian (lebih kurang). Jika mereka tidak menyetujuinya suatu pun daripada yang demikian, maka pihak yang me miliki sesuatu daripada harta (memegang harta) a kan didengar cakapnya melalui sumpah bahawa har taitu miliknya.

Tetapi jika harta itu dimiliki oleh keduanya (masing masing memegang harta) maka masing ma sing boleh meminta pihak yang lain bersumpah ke mudian harta itu dibahagi dua.

2. Didalam kitab Al-Umm karangan Imam Syafie, terjemahan nas halaman 95-96 telah menyebutkan seperti berikut;

Diceritakan kepada kami oleh al-Rabi'a bin Sulaiman, katanya: Syafie (r.a.) berkata. Apabila bertelingkah seorang lelaki dengan seorang perempuan (suami isteri) tentang perkakas rumah(mata' al bait) yang kedua duanya menduduki rumah itu (sebab) mereka berpisah atau pun tidak berpisah atau kedua duanya mati atau salah seorangnya mati maka menimbulkan pertelingkahan pula antara waris waris keduanya atau waris waris salah seorangnya setelah ia meninggal dunia, maka demikian itu adalah serupa (semua kaadaan ini serupa).

Bagi perkakas perkakas rumah, apabila kedua duanya sama sama menduduki sebuah rumah yang menjadi milik mereka. Atau pun (perkakas) berada dalam pegangan dua orang lelaki, maka kedua duanya bersumpah bagi (pihak) pemiliknya (menyokong) atas dakwaan pemilik.

ro), Mustaffa al-Babi al-Halabi,((1952), Md Akhir bin Haji Yaakob, JH(1405)H Jld V Bhg 1, hal.46-47.

Jika keduanya bersumpah maka perkakas perkakas itu dibahagi dua antara mereka, sebab pihak lelaki kadang kala memiliki perkakas perempuan dengan cara membeli, mewarisi dan sebagainya. Begitu juga perempuan kadang kala memiliki perkakas lelaki dengan cara membeli mewarisi dan seumpamanya.

Apabila kaadaan ini mungkin, sedangkan perkakas dibawah milik keduanya (dalam pegangan keduanya) maka tidak harus dihukum padanya kecuali dengan hukum ini, sebab benda itu didalam pegangan keduanya. Sesungguhnya Ali bin Abi Talib telah memberi (menghalalkan) kepada Fatimah (r.a.) baju besi (badan min hadid), dan ini adalah daripada perkakas lelaki. Sesungguhnya Fatimah (r.a) ketika itu adalah memiliki baju itu (badan) dan bukan Ali yang memiliki -nya. Sesungguhnya saya (Syafie) melihat seorang perempuan antara saya dengannya pedang besi yang didapatnya daripada pusaka bapanya, harita yang banyak, baju besi dan Al-Quran. Perempuan itu mewarisi benda benda itu dan bukan saudara lelakinya. Dan saya (Syafie) seorang mewarisi emaknya dan saudara peremuannya kedua duanya (emak dan saudaranya) malu menjual perkakas kedua duanya (selepas mati) maka dia mewarisi perkakas perempuan.

Apabila kaadaan ini ada (wujud) maka tidak harus padanya cara (hukum) selain dari yang saya sebutkan.. Jika kita menghukum dengan berat sangka (dhan) dengan kadar apa yang dilihat kepada lelaki dan perempuan yang memiliki kemudian kita dapati sat u perkakas berada dalam tangan dua orang lelaki yang masing masing mendakwa haknya, sedangkan perkakas itu terdiri daripada permata, mutiara dan perkakas (alat solek) yang paling tinggi nilainya dan salah seorang lelaki tadi pada kebiasaannya memiliki benda benda itu sedangkan seorang lagi pada ghalibnya tidak memiliki demikian; maka kita hukumkan perkakas yang paling tinggi harganya kepada yang kaya kerana pada zahirnya dia lebih utama memiliki benda benda itu, dan kita hukumkan benda benda yang nilai rendah - jika berada didalam tangan orang kaya dan orang susah bukan untuk orang kaya.

Kami tidak mempersetujui apa yang dipersetujui oleh manusia('ijma') selain daripada ini (masa'alah ini) iaitu rumah apabila berada dibawah milik (pegangan) dua orang lelaki masing masing mendakwa sebagai haknya maka dibahagi dua tanpa diperhatikan apa yang lebih munasabah yang menunjukkan bahawa rumah itu milik salah seorangnya kemudian kita berikan kepadanya ini adalah ijma' dan diharap sebagai adil.

Demikian juga perlu perkakas rumah dan lainnya yang berada dibawah milik (pegangan) dua orang maka tidak ada perbezaan hukumnya, bahwasanya tidak harus bercanggah dengan qias al-asl kecuali dibezakan oleh sunnah dan ijma'. Ditanya kepada mereka yang berkata adakah patut diberikan perkakas perempuan kepada orang perempuan dan perkakas lelaki kepada orang lelaki. Adakah engkau lihat penjual kulit dan penjual minyak wangi kedua duanya didalam sebuah kedai yang dalamnya terdapat minyak wangi dan kulit binatang, setiap seorang daripada keduanya mendakwa hak keatas minyak wangi dan kulit binatang adakah kamu akan memberi kepada penjual minyak wangi dan penjual kulit kulit? Jika engkau kata saya bahagikan kedua duanya (minyak dan kulit) antara keduanya, akan dikatakan kepada kamu kenapa tidak dibahagikan perkakas rumah yang lebih munasabah kepada perempuan antara lelaki dan perempuan dan perkakas yang lebih munasabah kepada lelaki antara lelaki dan perempuan am seperti penjual minyak wangi dan penjual kulit.

12

12. Syafie, al-Umm Juzuk 5, cetakan pertama, (Cairo, al-Fanniah 1961) Md Akhir bin Haji Yaakob, JH(1405) H, Jld V Bhg 1, hal 48-49-50.

3. Didalam kitab Fiqh al-Sunnah karangan Al-Syed Al-Sabiq didalam bab al-Syarikah, hal 356,357, 358 dan 359 telah menghuraikan tentang persyarikatan, dimana terdapat didalam tajuk Syarikat al-'uqud, di dalamnya terbahagi pula empat syarikat iaitu;

1. Syarikat al-'inan
2. Syarikat al-mufawadzah
3. Syarikat al-abdan
4. Syarikat al-wujud.

13

#### Syarikat al-'inan

Syarikat ini adalah perkongsian antara dua orang dalam satu kumpulan harta untuk diperniagakan dan keuntungannya dibahagikan antara mereka berdua, iaanya tidak mensyaratkan persamaan didalam modal, didalam pengurusan dan didalam pembahagian keuntungan, maka diharuskan modal salah seorang mereka melebihi modal yang seorang lagi sebagaimana diharuskan juga pembahagian keuntungan sama rata atau pun sebaliknya berdasarkan persetujuan antara mereka.

14

13. Al-Syed Sabiq, Fiqh al-Sunnah, juzuk 3,hal.356,  
Prof Madya Abdullah Abu Bakar, k.kerja,hal 21.

14 Ibid, hal.357. Ibid, hal.22

### Syarikat Al-Mufawadhabah

Persyarikatan ini adalah antara dua orang atau lebih bagi sesuatu pekerjaan yang disertai akad antara mereka, disamping beberapa syarat perlu dipenuhi, syarat syarat itu ialah;

1. Modal yang sama banyak
2. Kuasa pengurusan yang sama
3. Seagama
4. Bertanggung jawab sebagai penjamin kepada rakan kungsi.

Jika kesemua syarat syarat itu dipenuhi atau dipatuhi maka syarikat itu adalah sah dan jika berlaku sebaliknya maka syarikat itu adalah terbatal.

15

### Syarikat al-Wujuh

Ia itu apabila dua orang atau lebih melakukannya pembelian tanpa mempunyai apa apa modal cuma bergantung kepada kemegahan (kemasyhuran) disamping kepercayaan diantara mereka. Dimana keuntungan dibahagi diantara mereka. Ianya bergantung kepada tanggungan tanpa melakukan aktiviti dan modal. Keuntungan dibahagikan berdasarkan kadar milik setiap mereka.

16

15. Ibid, hal 358 . Ibid,hal.22
16. Ibid, hal.359 . Ibid,hal.23

### Syarikat Al- Abdan

Ia itu persetujuan diantara dua orang dimana kedua dua mereka bersetuju melakukan pekerjaan (apa apa pekerjaan) disamping dibayar upah berdasarkan persetujuan antara mereka.

Syarikat ini tidak menetapkan persamaan pada pekerjaan atau pun berlainan. Seperti tukang kayu dengan tukang kayu atau tukang kayu dengan tukang besi, sama ada kerja secara berkumpulan atau bersendirian.

Ia juga dinamakan syarikat al-a'mal, syarikat al-sanai' ( ) dan syarikat al-taqab bul.

17

### Pendirian Mazhab Berhubung Syarikat Syarikat Di Atas.

1. Mazhab Hanafi mengharuskan kesemua jenis asalkan syarat syarat dipenuhi
2. Mazhab Maliki mengharuskan tiga syarikat dan membatakan syarikat al-wujuh
3. Mazhab Syafie mengharuskan syarikat al-i'nan dan membatakan yang lainnya
4. Mazhab Hambali mengharuskan tiga darinya dan membatakan syarikat al-mufawadah.

18

---

17. Ibid, hal.360 . Ibid,hal.23

18. Ibid, hal 357 .

4. Berhubung dengan adat yang diiktiraf di sisi syarak, ini berdasarkan beberapa kaedah-kaedah feqah, antaranya ialah;

a.

Adat mengambil tempat hukum

19

b.

Amalan manusia adalah menjadi peganan (hujjah) yang wajib diikuti

20

c.

Sesuatu yang thabit dengan 'urf juga dikira thabit melalui sharak.

21

d.

Sesuatu yang diterima mengikut 'urf samalah kedudukannya seperti sesuatu yang dibuat mengikut syarak.

22

19. Al-Sayuti (9111) Al-Ashbah wa al-Nazair,  
Isa al-Halabi, Cairo. Prof Madya Abdullah  
Abu Bakar, k.kerja, hal.3

20. Ibid. The Mejelle, Artikal 43. Ibid,hal.4

21. Al-Fiqh al-Islami, hal. 93., Shalabi.  
Ibid, hal.4

22. Al-Sayuti, hal.101. Ibn Nujaim, hal.94.  
Ibid, hal.4

SENARAI KES KES

1. Sofiah bte Abd Aziz  
lwn  
Abd Manaf b. Hj Ahmad
2. Jamilah bte Hitam  
lwn  
Hussin bin Ali
3. Khairul Huda Caral bte Abdullah  
lwn  
Shaharuddin bin Haji Yasin
4. Salbiah bte Abdullah  
lwn  
Ali bin Yunus
5. Nusibah bte Mahat  
lwn  
Nasir bin Yusuf
6. Hasnah bte Bahuddin  
lwn  
Tajul Ariffin b. Hj Alias
7. Siti Yuniar bte Djono  
lwn  
Kasmaruddin b. Abu Kassim
8. Zailah bte Zakaria  
lwn  
Mohd Azizan bin Ismail
9. Rodiah bte Baderam  
lwn  
Muslim bin Lasim

## BORANG 1

NEGERI SEMBILAN

UNDANG UNDANG PENTADBIRAN HUKUM SYARAK TAHUN 1960

(Bil.15 Tahun 1960)

Di DAIAM MAHKAMAH KADI BESAR NEGERI SEMBILAN DI SEREMBAN  
 Terkara Civil Bil 4 Tahun 1986

ADUAN TIDAK MELAKUKAN PENJALAIAN PENGANGKATAN  
 MAHKAMAH

Saya Sofiah bte Abd Aziz, k.p. no.4995052 yang tinggal di Lot 69,Kg Jena Baru Sambungan Kemunting, Taiping Perak, Mengangkat sumpah dan berikrar;

1. Saya ialah seorang perempuan yang berumur 29 tahun.
2. Aduan saya ialah seperti berikut;

Saya telah bercerai dengan En Abd Wanaf b.Hj Ahmad pada 13.1.1986 diPejabat Kadi Daerah Seremban dengan talak satu.(Surat ket.cerai Bil.MKD.Seremban Bil.27/86)

Hasil perkongsian hidup dengannya mendapat 3 orang anak, yang tua lelaki,kedua dan ketiga perempuan. Saya mengadu di Pejabat ini untuk menuntut harta sepencarian seperti berikut;

1. Rumah teres dua tingkat kos rendah No 371, Taman Jujur,Sikamat 339.000.00

2.	Kereta jenis Ford Van No. NV 5151	\$14.000.00
3.	Dapur gas. 1 besar dan 1 kecil.	910.00
4.	Peti sejuk jenis Singer	850.00
5.	TV warna jenis Toshiba 20"	1.400.50
6.	Nesin basuh kain jenis National	500.00
7.	Kerusi tetamu	650.00
8.	Kerusi meja makan	650.00
9.	Hamparan permaidani 2 keping	160.00
10.	Pinggan mangkok	350.00
11.	Periuk nasi jenis National	100.00
12.	Nesin celi jenis Maulinex	50.00
13.	Radio bimbit jenis Sharp	140.00
14.	Gerai buah buahan	450.00
JUMLAH		\$ 59.260.00

Sekian aduan saya.

t.t.

.....

Dalam Mahkamah Kadi Besar Negeri Sembilan

Di Seremban Kes Bil Tahun 1986

Sofiah bte Abd Aziz

1. Bersumpah
2. Saya bernikah pada 25.6.1975 di Lenngong perak.
3. Semasa itu saya bersekolah dilenggong Perak dia mengenali saya melalui seorang kawan yang berkerjasama dengannya dan ia berutus surat dengan saya (berbalas)
4. Setelah selesai persekolahan 1973 saya berhijrah ke Kuala Lumpur dan bertugas sebagai kerusi di Sungai Way
5. Pada 1974 emak saudara saya menerima surat darinya dan menyerahkan surat kepada saya untuk diteruskan hubungan
6. Pada pertengahan 1974 dia menghubungi saya supaya menunggu di Stacion Keretapi tetapi dia tidak datang hingga kepetang
7. Dia datang keesokan harinya dan pergi ke Balai Polis Sungai Way, semasa itu kami bersua muka
8. Pada bulan 12 1974 saya sering berjalan dengannya dan dia pernah mencabul kehormatan diri saya disebuah hotel.